

Rujukan Kami : UniSZA. P/2/PP/604-**1(4)**
Bertarikh : 10 Jun 2018
Bersamaan : 25 Ramadhan 1439H

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 4/2018:
CUTI PERAYAAN AIDILFITRI TAHUN 2018/1439H**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, cuti umum bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri telah ditetapkan pada 15 hingga 17 Jun 2018 (Jumaat, Sabtu dan Ahad). Semua agensi Kerajaan termasuk UniSZA akan mula beroperasi pada 18 Jun 2018 (Isnin).
3. Pihak Pengurusan menyedari bahawa kebanyakan staf akan mengambil cuti rehat tambahan sempena perayaan ini. **Sehubungan itu, bagi mengelakkan operasi dan urusan di PTj tergendala, semua Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj) adalah diminta menyelaras pengambilan cuti oleh staf di PTj masing-masing dan memastikan pejabat beroperasi seperti biasa bermula 18 Jun 2018.**
4. Pohon kerjasama YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan untuk menghebahkan perkara ini kepada staf di PTj masing-masing. Semoga perkara ini berada dalam perhatian, makluman dan tindakan YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Ilmu dan Akhlak”

Saya yang menurut perintah,

ISMAIL BIN AHMAD
Pendaftar